



NAMA : ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS (148634)

- a. Apakah yang telah anda pelajari sebagai ahli BSMMUSM sepanjang 3 tahun ini?
- b. Apakah kebaikan yang telah anda perolehi sepanjang menjadi ahli BSMMUSM

Sebagai ahli BSMM sepanjang 3 tahun di USM, saya telah banyak belajar berkaitan hal-hal kecemasan. Perkara pertama yang saya syukuri kerana masuk dalam BSMMUSM adalah dapat mempelajari ilmu-ilmu pertolongan cemas dengan baik. Saya mengaku bahawa sebelum masuk dalam BSMM, saya seorang yang kurang mengambil berat berkaitan dengan pertolongan cemas. Namun selepas saya masuk dalam BSMM, barulah saya mengetahui betapa pentingnya untuk belajar ilmu pertolongan cemas. Dalam BSMM kami banyak diajar berkaitan dengan cara balutan dan rawatan yang perlu diberikan kepada mangsa dalam hal-hal kecemasan. Dalam merawat dan membantu mangsa yang dalam kecemasan, kita perlu menjadi seorang yang berhati-hati dan tidak mudah cemas. Ilmu pertolongan cemas ini bukan sahaja perlu dikuasai oleh ahli BSMM semata-mata, namun semua orang perlu mempelajarinya. Hal ini kerana sekiranya berlaku perkara kecemasan dengan orang sekeliling kita, maka kita boleh membantu mangsa dalam keadaan yang segera.

Dalam BSMM juga kami banyak diajarkan untuk bertindak mengikut situasi. sebagai contohnya semasa saya berada di tahun satu, saya telah mengikuti simulasi pertolongan cemas. dari sini saya banyak belajar berkaitan dengan hal pertolongan cemas pada situasi yang sebenar. Sebagai ahli BSMM, kita perlulah bertindak pantas dan mengikuti masa yang telah disediakan. hal ini kerana sekiranya kita lambat dalam mengendalikan kecemasan, maka kesan daripada perbuatan itu akan dirasakan oleh mangsa yang dalam kesakitan. Oleh itu, sebagai ahli pertolongan cemas, kita perlu lebih peka dalam mengendalikan situasi. Bagi saya menjadi ahli pertolongan cemas adalah satu pekerjaan yang baik kerana kita dapat membantu orang lain yang dalam kesusahan dan melatih diri kita untuk bersifat sabar. BSMM juga mengajarkan tentang kawad kaki dan perbarisan. Pada tahun 2, saya berpeluang untuk menjadi penolong ketua komandan vad 6, di sini saya banyak belajar berkaitan asas kawad dan mengajarkannya kepada ahli biasa BSMM tahun 1. Belajar kawad juga merupakan satu perkara yang banyak

mendidik saya untuk menjadi seorang yang lebih berdisiplin dan bekerjasama dalam satu pasukan..Disiplin dalam berkawad amat penting untuk melatih diri kita menjadi seorang yang lebih baik pada masa hadapan. Saya bersyukur dapat masuk dalam BSMMUSM yang banyak membantu saya untuk menjadi seorang yang bermanfaat kepada orang lain.

Kebaikan pertama yang saya perolehi sepanjang menjadi ahli BSMMUSM adalah dapat meningkatkan kemahiran komunikasi yang ada. Dalam BSMM, banyak program dan aktiviti yang dibuat adalah secara berkumpulan. Kami perlu melakukan pembentangan dan video yang membantu untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan yang lain. Bukan itu sahaja, daripada aktiviti duti awam yang dibuat banyak mengajarkan saya untuk berkomunikasi dengan masyarakat. Dari sini, saya dapat berkomunikasi dan menambah kenalan baru dari semua ahli kumpulan saya dan masyarakat. Kemahiran komunikasi ini amat penting untuk meningkatkan keyakinan yang ada pada diri kita. Komunikasi juga banyak membantu kita untuk menjadi seorang yang lebih aktif. Dengan adanya komunikasi ini juga kita dapat bekerjasama dengan ahli kumpulan dengan lebih baik. Kesedaran pelajar mengenai kepentingan kemahiran komunikasi perlu di semai supaya aktiviti pembentangan akan menjadi medium pembelajaran yang efektif bagi meningkatkan keyakinan pelajar dalam mengamalkan komunikasi yang efektif. Oleh itu, dengan menyertai BSMM banyak membantu saya dalam bidang komunikasi.

Kebaikan kedua yang saya peroleh adalah dapat menguruskan program yang dijalankan. Pada tahun 2, saya telah menjadi salah satu Exco BSMMUSM, disini saya banyak menjadi ajk dalam program-program yang BSMM adakan. Sebagai contohnya, saya pernah menjadi AJK protokol, AJK aktiviti, AJK media dan sebagainya. Banyak benda baru yang telah saya pelajari sepanjang menjadi exco BSMM ini. Kawan-kawan juga banyak memberikan tunjuk ajar dalam menjayakan program yang diadakan. Saya yakin dan percaya bahawa tanpa usaha dan kerjasama yang baik daripada AJK, sesebuah program tidak akan dapat berjalan dengan jayanya. Saya juga mengakui bahawa untuk menguruskan sesebuah program bukanlah satu hal yang mudah, banyak persiapan yang diperlukan untuk memastikan kejayaan bagi program tersebut. Oleh itu, saya berbangga dapat menjadi sebahagian daripada exco BSMM yang berjaya menjalankan program-program yang telah diadakan.

Kebaikan ketiga yang saya peroleh adalah mengajar saya untuk lebih berdisiplin. Dalam BSMM, banyak peraturan dan arahan yang perlu dipatuhi. Sebagai contohnya, dari segi pemakaian perlulah kemas dan mengikut format yang telah ditetapkan. Disini saya belajar untuk

menjadi seorang yang lebih bersedia dan mengikuti segala peraturan tersebut. Selain itu, kami juga banyak diajarkan untuk sentiasa mematuhi masa yang telah ditetapkan. Sekiranya lewat, maka denda akan diberikan. Hal ini membantu diri saya untuk menjadi seorang yang lebih menepati masa. Saya mengakui disiplin dalam diri saya bertambah selepas mengikuti BSMM, saya suka akan peraturan yang dibuat kerana saya yakin peratura tersebut demi kebaikan kami juga. Seseorang yang berdisiplin akan lebih mudah untuk berjaya. Saya berharap BSMM dapat menjadi salah satu unit beruniform yang menjadi contoh kepada yang lain kerana BSMM antara unit beruniform yag terbaik yang ada di USM.